

BAB 6 PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

6.1a) Senaraikan tokoh-tokoh yang mencadangkan pembentukan Malaysia mengikut urutan. (Teks ms 137)

i)	1887 Lord Brassey, Pengarah Syarikat Borneo Utara
ii)	1948 Sir Malcolm MacDonald Gabenor Jeneral Asia Tenggara
iii)	1955 Lim Yew Hock
iv)	1955 David Marshall
v)	1956 Dato' Onn Ja'afar
vi)	1959 Lee Kuan Yew
vii)	1961 Tunku Abdul Rahman

6.1b) Terangkan cadangan yang dikemukakan ke arah pembentukan Malaysia oleh pemimpin tempatan dan luar negara. (Teks ms 137)

Brassey	Lord Brassey, Pengarah Syarikat Borneo Utara mencadangkan British menggabungkan Sarawak dan Sabah dengan Negeri Negeri Melayu dan Negeri - Negeri Selat.
MacDonald	Sir Malcolm MacDonald Gabenor Jeneral Asia Tenggara, mencadangkan Sarawak, Sabah, Singapura, Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan.
Dato' Onn	Dato' Onn Ja'afar mencadangkan Persekutuan Tanah Melayu dinamai Malaysia kerana British akan menggabungkan negeri Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu.
Kuan Yew	Lee Kuan Yew telah mendesak British supaya berunding dengan Tunku Abdul Rahman untuk menggabungkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu sahaja.
Tunku	Idea ini sarna sekali tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman kerana akan berlaku ketidakseimbangan penduduk.
Setuju	Pada 27 Mei 1961 Tunku Abdul Rahman telah menyetujui gagasan Malaysia dan mencadangkan pembentukannya dalam majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Wartawan Luar Negeri di Hotel Adelphi, Singapura.
Suara	Beliau menyuarakan harapan supaya negara Malaysia dapat dibentuk bagi menjamin satu kedudukan politik yang lebih kukuh.

6.2a) Huraikan faktor-faktor yang mendorong cadangan penubuhan Malaysia. (Teks ms 138-140)

Politik

Benteng	Penubuhan Malaysia menjadi benteng untuk menghadapi ancaman Komunis kerana pengalaman Persekutuan Tanah Melayu membanteras PKM semasa darurat.
Merdeka	Mempercepatkan kemerdekaan Sabah, Sarawak, Singapura dan Brunei kerana masih belum mampu berkerajaan sendiri.
Dekolonisasi	Penubuhan Malaysia merupakan proses Dekolonisasi British terhadap negara-negara di Asia Tenggara.
Usul	Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1960 telah membuat usul agar tanah jajahan dimerdekakan.

Ekonomi

Pasaran	Mewujudkan satu pasaran yang luas menggalakkan pelaburan dan perkembangan industri pertanian.
Sumber	Sumber alam Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Brunei dapat dimanfaatkan untuk mengukuhkan ekonomi.

Sosial

Seimbang	Mengimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan kaum di kalangan negeri anggota dengan memasukkan Sarawak, Sabah dan Brunei ke dalam gabungan ini.
Segera	Bertujuan untuk menyegerakan kemerdekaan bagi negeri-negeri anggota di samping untuk memajukan negeri-negeri yang belum membangun seperti Sarawak dan Sabah.
Kesepakatan	Memperlihatkan kesepakatan dan semangat setia kawan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah dan Singapura untuk memajukan negeri masing-masing.

6.2.b) Mengapakah Lee Kuan Yew ingin menggabungkan Singapura dengan Malaysia? (Teks ms 141)

Sosialis	Pengaruh Barisan Sosialis yang memenangi pilihanraya Hong Lim di Singapura akan melemahkan parti pimpinan beliau, iaitu Parti Tindakan Rakyat.
-----------------	--

Bimbang	Bimbang kerana menggugat rancangan kerajaan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Singapura kerana Barisan Sosialis berhaluan kiri.
Ancaman	Mendesak British menggabungkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu kerana ancaman komunis.
Pengalaman	Persekutuan Tanah Melayu mempunyai pengalaman dalam membanteras pengaruh Parti Komunis Malaya sepanjang tempah darurat, dari tahun 1948 hingga tahun 1960.
Cepat	Penubuhan Malaysia akan mempercepatkan kemerdekaan Singapura.

6.3 Faktor-Faktor Pembentukan Malaysia

6.3.1a) Jelaskan reaksi cadangan pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman ketika membuat pengumuman di Singapura. (Teks ms 141-146)

Dalam Negeri

Murni	Rakyat Tanah Melayu melihat sebagai usaha murni membantu dan memimpin Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei.
Beza	Terdapat parti politik yang menyokong tetapi dengan pandangan yang berbeza.
PAS	Parti Islam Se-Tanah Melayu dan Barisan Sosialis meminta supaya idea ini dirundingkan terlebih dahulu di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu.
UMNO	UMNO menyetujui penggabungan dengan Sarawak, Sabah dan Brunei tanpa memasukkan Singapura.

Singapura

Bimbang	Lee Kuan Yew dan partinya, iaitu PAP menyokong usaha kerana bimbang dengan pengaruh parti berhaluan kiri yang kuat kerana ingin mempertahankan kedudukannya.
Lulus	Majlis Undangan Negeri Singapura meluluskan usul penggabungan pada Disember 1961.
Sosialis	Barisan Sosialis menentang idea ini dan mengatakan bahawa pembentukan Malaysia merupakan satu penjajahan bentuk baru.
Tuntut	Mereka menuntut agar pandangan rakyat Singapura diperoleh

	terlebih dahulu sebelum Singapura menyertai Malaysia.
Gesa	Parti Buruh pimpinan David Marshall dan Parti Rakyat Bersatu pimpinan Ong Eng Guan menggesa kerajaan Singapura mendapatkan pandangan rakyat.
Referendum	Pada 1 September 1962, satu referendum berhubung dengan persoalan dan syarat penggabungan telah diadakan, pengundi-pengundi Singapura memilih penggabungan dengan Malaysia.

Sarawak

Menolak	Sarawak dan Sabah cadangan ini ingin kekal di bawah pemerintahan British kerana mereka belum ada keyakinan untuk membentuk pemerintahan sendiri.
Sokong	Menjelang akhir tahun 1961 ramai pemimpin dan rakyat Sarawak dan Sabah mula menyokong pembentukan Malaysia.
SUPP	SUPP parti di Sarawak menentang penggabungan dengan Malaysia.
Perikatan.	Parti Perikatan Sarawak menyokong penyertaan Sarawak ke dalam Malaysia

Sabah

Sabah	Pada peringkat awal menentang tetapi menyokong setelah mendapat penjelasan.
--------------	---

Brunei

Sokong	Sultan Omar Ali Saifuddin Brunei menyokong gagasan Malaysia pada peringkat awalnya dengan membentuk sebuah suruhanjaya bagi meninjau pendapat rakyat Brunei.
Rakyat	Parti Rakyat Brunei menentang gagasan Malaysia kerana matlamat untuk menubuhkan Persekutuan Borneo.

Reaksi luar Negeri

Indonesia

Indonesia.	Peringkat awal Indonesia tidak menunjukkan sebarang reaksi terhadap pembentukan Malaysia tetapi menentang menganggap pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk neokolonialisme yang akan mengancam Indonesia
-------------------	---

Filipina

Filipina	Kerajaan Filipina di bawah pimpinan Presiden Macapagal telah membuat pengumuman rasmi menuntut hak terhadap Sabah pada bulan Jun 1962 mendakwa Sabah masih merupakan sebahagian daripada milik Kesultanan Sulu.
-----------------	---

6.3.1b) Mengapakah cadangan penggabungan Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei dengan Tanah Melayu membentuk Negara Malaysia mendapat sokongan penduduk wilayah yang terlibat? (Teks ms 142-145)

Luas	Membentuk sebuah negara yang mempunyai wilayah yang luas.
Kuat	Penggabungan ini akan menjadikan negara lebih kuat kerana mempunyai penduduk yang ramai
Keselamatan	Keselamatan negara lebih terjamin daripada ancaman Komunis.
Merdeka	Mempercepatkan kemerdekaan negeri-negeri yang dijajah seperti Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei.
Berkesan	Penerangan yang diberikan oleh pemimpin tempatan sangat berkesan.
Aktif	Peranan aktif pemimpin parti-parti politik yang berjaya memberi penjelasan kepada rakyat.
Kongsi	Berkongsi pengalaman di kalangan pemimpin untuk mentadbir sebuah negara.
Pasaran	Pasaran negara yang luas dapat menarik pelaburan dari luar negara.
Kembang	Ekonomi negara berkembang kerana sumber alam dapat dieksploitasi sepenuhnya.
Imbang	Bilangan penduduk peribumi akan menjadi seimbang dengan dengan kaum asing.

6.3.1a) Senaraikan penubuhan parti politik di Sarawak. (Teks ms 142)

SUPP	Parti Bersatu Rakyat Sarawak atau Sarawak United People's Party (SUPP) pimpinan Ong Kee Hui yang dibentuk pada
-------------	--

	bulan Jun 1959 majoriti ahlinya terdiri daripada orang Cina dan sebilangan kecil orang Melayu.
PANAS	Parti Negara Sarawak (PANAS), ditubuhkan pada bulan Jun 1960 di bawah pimpinan Dato' Bandar Abang Haji Mustapha anggotanya terdiri daripada orang Melayu yang menyokong penubuhan Malaysia.
SNAP	Parti Kebangsaan Sarawak atau Sarawak National Party (SNAP) ditubuhkan bulan April 1961 pimpinan Stephen Kalong Ningkan ahlinya terdiri daripada orang Iban.
BERJASA	Barisan Rakyat Jati Sarawak (BERJASA) ditubuhkan pada bulan Disember 1961 di bawah pimpinan Abdul Rahman Yaakub dan Abdul Taib Mahmud ahlinya daripada orang Melayu dan Melanau serta sebilangan kecilnya orang Iban dan orang Bidayuh.
PESAKA	Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) pimpinan Temenggung Jugah Anak Barieng yang ditubuhkan pada bulan Ogos 1962.
SCA	Sarawak Chinese Association (SCA) yang ditubuhkan pada bulan Julai 1962 kebanyakan ahli bagi kedua-dua parti ini terdiri daripada orang Cina.
Perikatan	Pada bulan Oktober 1962, lima buah parti, iaitu PANAS, SNAP, BERJASA, SCA dan PESAKA telah bergabung membentuk Parti Perikatan Sarawak

6.3.1b) Senaraikan penubuhan parti politik di Sabah. (Teks ms 143-144)

UNKO	Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu atau United National Kadazan Organization (UNKO) pada bulan Ogos 1961 di bawah pimpinan Donald Stephens.
USNO	Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu atau United Sabah National Organization (USNO) bulan Disember 1961, pimpinan Datu Mustapha Datu Hamn yang mewakili orang Islam Sabah.
Pasok	Parti Pasok Momugun ditubuhkan bulan Jun 1966 pimpinan G. S. Sundang ahli kaum Dusun atau Kadazan.
Bersatu	Parti Bersatu, pimpinan Khoo Siak Chew ahli terdiri orang Cina Sabah
Demokratik	Parti Demokratik pimpinan Peter Chin ahli terdiri orang Cina Sabah..
Perikatan	Pada bulan September 1961, UNKO, USNO, Parti Pasok

	Momugun, Parti Bersatu dan Parti Demokratik telah bersatu membentuk Parti Perikatan Sabah
--	---

6.3.1c) Terangkan reaksi parti-parti politik di Sarawak dan Sabah terhadap isu pembentukan Malaysia. (Teks ms 143-144)

SUPP	Bimbang Sarawak dan Sabah akan dikuasai oleh Persekutuan Tanah Melayu.
PESAKA, SNAP, UNKO	Orang bukan Melayu dan kaum peribumi bimbang mereka akan kehilangan identiti dan dikuasai oleh orang Melayu.
Sumber	Bimbang sumber ekonomi Sarawak dan Sabah akan dikuasai oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (kuasa pusat).
Merdeka	Semua parti politik di Sarawak dan Sabah kecuali BERJASA inginkan kemerdekaan terlebih dahulu.
PANAS, BERJASA, USNO	Membangkitkan isu kemajuan ekonomi dan sosial.

6.3.1d) Terangkan tuntutan Sabah dan Sarawak sebagai syarat menyertai Malaysia. (Teks ms 144)

Perkara 20	Perkara 20 menyenaraikan tuntutan-tuntutan Sarawak dan Sabah untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia yang baru oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK).
Lindung	Tuntutan tersebut dapat melindungi hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah.
Asingan	Memasukan hak wilayah asing dalam pembentukan perlembagaan Malaysia
Kandungan	Antara perkara penting yang disentuh dalam hak wilayah asing termasuklah:
	• Ketua negeri • Kedudukan istimewa penduduk asal negeri dan hal ehwal imigresen • Kerakyatan • Pelajaran • Bahasa kebangsaan • Agama Islam • Peruntukan kewangan

6.3.1e) Terangkan sebab-sebab parti politik di Sabah dan Sarawak bersetuju menjadi sebahagian negara Malaysia. (Teks ms 144)

Jelas	Perubahan sikap kerana usaha kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu menjelaskan gagasan Malaysia dengan mempertimbangkan pandangan penduduk Sabah dan Sarawak
Perpaduan	Semangat perpaduan dan sikap toleransi yang diperlihatkan oleh para pemimpin dari Tanah Melayu termasuk Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun V. T. Sambanthan dan Tun Tan Siew Sin.
Kerjasama	Mendapat kerjasama daripada pemimpin-pemimpin Sarawak dan Sabah antaranya termasuklah Datu Mustapha Datu Harun, Temenggong Jugah, Donald Stephen, Ong Kee Hui dan Stephen Kalong Ningkan.

6.3.1f) Parti Rakyat Brunei telah berjaya menghalang Brunei daripada menyertai Malaysia. Jelaskan. (Teks ms 145)

Borneo	Matlamat Parti Rakyat Brunei untuk menubuhkan Persekutuan Borneo iaitu kerajaan Kalimantan Utara terdiri daripada Sarawak, Sabah dan Brunei.
Neokolonialisme	Anggota PRB menganggap gagasan Malaysia sebagai satu bentuk neokolonialisme.
Lancar	A. M. Azahari melancarkan pemberontakan di bawah pasukan Tentera Nasional Kalimantan Utara yang ditubuhkan di beberapa buah bandar di Sarawak, Sabah dan Brunei.
Tangguh	Pemberontakan ini dilancarkan apabila Majlis Mesyuarat Undangan Negeri Brunei dan Sultan Brunei menangguhkan keputusan tentang gagasan Malaysia.
Bantuan	A. M. Azahari dan penyokongnya mendapat bantuan dan sokongan daripada Indonesia dan Filipina.
Patah	Pemberontakan Brunei 1962 dipatahkan oleh tentera British tetapi A. M. Azahari berjaya melepaskan diri ke Manila dan kemudian mendapat perlindungan politik di Indonesia.

6.3.2 Reaksi N egara Luar

6.3.2a) Mengapakah Indonesia dan Filipina membantah pembentukan Malaysia? (Teks ms 146)

Neokolonialisme	Berpendapat pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk neokolonialisme baru yang mengancam Indonesia.
Komunis	Peranan Parti Komunis Indonesia mempengaruhi Presiden Soekamo untuk mengisytiharkan dasar konfrontasi.
Tuntut	Kerajaan Filipina membuat pengumuman rasmi menuntut hak terhadap Sabah.
Milik	Mendakwa Sabah sebahagian milik Kesultanan Sulu berdasarkan perjanjian antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Von Overback.

6.3.2b) Apakah tindakan yang diambil oleh Indonesia untuk menentang pembentukan Malaysia? (Teks ms 146)

Bantah	Indonesia membantah pembentukan Malaysia walaupun peringkat awal tidak menunjukkan sebarang reaksi penentangan.
Neokolonialisme	Berpendapat pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk neokolonialisme baru yang mengancam Indonesia.
Ganyang	Melancarkan konfrontasi dengan konsep Ganyang Malaysia diumumkan pada 20 Januari 1963.
Intip	Menghantar pengintip ke Tanah Melayu untuk memusnahkan gagasan Malaysia dari dalam secara sulit.
Serangan	Melakukan serangan terhadap kapal-kapal nelayan Tanah Melayu
Udara	Melakukan pencerobohan udara di Tanah Melayu
Tindakbalas	Melancarkan serangan terhadap Tanah Melayu melalui Johor, Sarawak dan Sabah.
Buruk	Indonesia bertindak memburukkan nama Malaysia di Negara Afro-Asia dan negara Dunia Ketiga

6.3.2c) Apakah tindakan kerajaan Malaysia untuk menghadapi ancaman Indonesia? (Teks ms 147)

Bantuan	Mendapatkan bantuan tentera komanwel dari Britain, Australia, New Zealand dan Kanada.
Bantahan	Tunku Abdul Rahman menghantar bantahan rasmi kepada Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung dengan pencerobohan Indonesia terhadap Tanah Melayu.
Lawatan	Tun Abdul Razak mengadakan lawatan ke negara-negara Afrika menjelaskan kedudukan sebenar hubungan diplomatik antara Indonesia dengan Malaysia.
Rundingan	Malaysia, Indonesia dan Filipina mengadakan rundingan dengan menubuhkan MAPHILINDO untuk menyelesaikan pembentukan Malaysia.

6.3.2d) Bagaimanakah konfrontasi Indonesia-Malaysia ditamatkan? (Teks ms 147)

Guling	memberontakan bersenjata di Indonesia oleh Jeneral Suharto menggulingkan Presiden Soekamo membolehkan hubungan diplomatik dipulihkan.
Diplomatik	Menteri Luar Indonesia Adam Malik dihantar untuk memulihara hubungan diplomatik dengan Malaysia pada tahun 1966

6.4 Langkah-Langkah Pembentukan Malaysia

6.4a) Senaraikan tokoh yang menganggotai Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum yang ditubuhkan pada tahun 1961. (Teks ms 149)

i			
i)	Donald Stephens	ii)	Tunku Abdul Rahman
iii)	Ong Yoke Lin	iv)	Lee Kuan Yew
v)	Tun Datu Mustapha Datu Hamn		

6.4b) Terangkan peranan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum. (Teks ms 149)

Gagasan	Menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia.
----------------	--

Pandangan	Mengumpul pandangan penduduk ke arah pembentukan Malaysia.
Galak	Menggalakkan kegiatan ke arah pembentukan Malaysia.

6.4c) Namakan Suruhanjaya melaksanakan gagasan Malaysia. (Teks ms 150)

Sumhanjaya Cobbold

6.4d) Senaraikan anggota Suruhanjaya Cobbold yang ditubuhkan oleh Kerajaan British. (Teks ms 150)

i)	Lord Cabbold	ii)	Sir Anthony Abell	iii)	Sir David Watherston
iv)	Wong Pow Nee	v)	Tan Sri Ghazali Shafie		

6.4e) Terangkan tugas Suruhanjaya Cobbold. (Teks ms 150)

Tinjau	Meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia.
Nilai	Membuat penilaian dan mengemukakan cadangan kepada pihak British pendapat penduduk Sabah dan Sarawak untuk menyertai Malaysia.
Terima	Menerima memorandum yang dikemukakan oleh pelbagai pihak yang memberi pandangan pembentukan Malaysia.

6.4f) Nyatakan hasil laporan Suruhanjaya Cobbold. (Teks ms 150)

Sokong	Satu pertiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat.
Syarat	Satu pertiga menyokong dengan syarat, iaitu kepentingan mereka haTeks ms dilindungi.
Kemerdekaan	Satu pertiga lagi menginginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia.

6.4g) Apakah cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Cobbold? (Teks ms 150)

Perlembagaan	Perlembagaan Malaysia yang baru berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.
---------------------	--

Kuasa	Sarawak dan Sabah diberikan kuasa menentukan dasar Imigresennya.
Bahasa	Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan.
Jaminan	Memberi jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah.
Nama	Pemberian nama Malaysia kepada negara bam yang dibentuk.
Tarikh	Penentuan tarikh penubuhan Malaysia.

6.4h) Jelaskan usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan negara Malaysia pada 16 September 1963. (Teks ms 151-152)

Lawatan	Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak dan Sabah serta ke Brunei untuk menerangkan konsep, tujuan dan matlamat penubuhan Malaysia.
Rundingan	Mengadakan mndingan dengan pegawai-pegawai kanan Persekutuan dengan pegawai-pegawai British dari Sarawak, Sabah dan Singapura.
JPPK	Menubuhkan Jawatankuasa Pemndingan Perpaduan Kaum untuk menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia, mengumpul pandangan dan menggalakkan kegiatan ke arah pembentukan Malaysia.
Memorandum	Mengemukakan satu memorandum kepada Sumhanjaya Cobbold untuk memberi pertimbangan supaya Sarawak dan Sabah dimasukkan ke dalam perlembagaan bam.
Tinjau	Meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah menyertai Malaysia dengan membuat penilaian dan cadangan kepada British. '
JAK	Jawantan Kuasa Antara Kaum ditubuhkan untuk menerangkan penubuhan Malaysia dan turut membincangkan hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah.
Balas	Malaysia bertindak balas dengan bantuan tentera Komanwel dari Britain, Australia, New Zealand dan Kanada setelah tentera Indonesia melancarkan serangan.
Bantahan	Tunku Abdul Rahman menghantar bantahan rasmi kepada Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung pencerobohan Indonesia ke Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.
Lawatan	Tun Abdul Razak mengada lawatan ke beberapa buah

	negara Afrika menjelaskan hubungan diplomatik antara Indonesia dengan Malaysia setelah diburukkan nama Malaysia.
Kemuncak	Malaysia, Indonesia dan Filipina mengadakan sidang kemuncak antara Tunku Abdul Rahman, Presiden Seokamo dan Presiden Macapagal.
MAPHILINDO	Hasil rundingan ditubuhkan MAPHILINDO dan ketiga-tiga negara bersetuju penyelesaian pembentukan Malaysia dirujuk kepada PBB.
Hantar	Perwakilan Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah dibentuk oleh Setiausaha Agong PBB, iaitu U Thant dengan menghantar wakilnya bagi meninjau sekali lagi pendapat rakyat Sarawak dan Sabah.
Rundingan	Pada tahun 1966 mengadakan rundingan di Bangkok untuk memulihkan hubungan antara wakil Malaysia Tun Abdul Razak dengan Encik Adam Malik wakil Indonesia.
Iktiraf	Pada tahun 1966 Filipina mengiktiraf Malaysia menerusi usaha membaiki hubungan antara kedua-dua negara melalui MAPHILINDO.

6.5 Perjanjian Malaysia 1963

6.5a) Apakah yang dimaksudkan dengan Akta Malaysia? (Teks ms 153)

Gabung	Akta yang menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah membentuk negara Malaysia
---------------	--

6.5.1a) Senaraikan pihak yang terlibat meluluskan Akta Malaysia. (Teks ms 154)

i)	Parlimen British	ii)	Parlimen Tanah Melayu
iii)	Dewan Perhimpunan Singapura	iv)	Majlis Undangan Sarawak
v)	Majlis Undangan Sabah		

6.5.1b) Nyatakan kandungan perjanjian Akta Malaysia 1963. (Teks ms 155)

Luar	Semua urusan hal ehwal luar adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.
Islam	Agama Islam merupakan agama Persekutuan kecuali Sarawak dan

	Sabah tetapi agama lain bebas diamalkan.
Bahasa	Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan tetapi bahasa Inggeris dan bahasa lain masih boleh digunakan.
Rasmi	Bagi negeri Sarawak dan Sabah, bahasa rasmi ialah bahasa Inggeris sehingga 10 tahun selepas Hari Malaysia.
Kuasa	Negeri Sarawak dan Sabah diberikan kuasa mengawal hal ehwal imigresen dan perkhidmatan awam.
Kerusi	Sarawak memperoleh 24 kerusi, Sabah 15 kerusi dan Singapura 15 kerusi bagi perwakilan parlimen dalam pilihan raya.
Taraf	Rakyat bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu.

6.5.1c) Susun secara Kronologi peristiwa pembentukan Malaysia. (Teks ms 149-154)

TARIKH	PERISTIWA
Jun 1961	Tunku Abdul Rahman membuat lawatan ke Sabah, Sarawak dan Brunei menerangkan konsep, tujuan dan matlamat penubuhan Malaysia.
Julai 1961	Penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum.
Jan 1962	Penubuhan Suruhanjaya Cobbold oleh kerajaan British.
Februari 1962	Suruhanjaya Cobbold ahli dihantar meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak.
Jun 1962	Laporan Suruhjaya Cobbold diterbitkan.
Ogos 1962	Penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan.
Jun 1962	Filipina menuntut hak terhadap Sabah
Januari 1963	Indonesia mengisytiharkan konfrontasi dengan dasar Ganyang Malaysia.
Julai 1963	Menubuhkan MAPHILINDO di kalangan Malaysia, Filipina dan Indonesia.
Ogos 1963	Wakil PBB dihantar ke Sarawak dan Sabah meninjau pendapat.
Ogos 1963	Ratu Elizabeth memperkenalkan Akta Malaysia
26 Ogos 1963	Yang DiPertuan Agong memperkenalkan Akta Malaysia
14 Sept. 1963	Laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu disiapkan
16 Sept. 1963	Pengisytiharaan Malaysia yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.
1965	Singapura berpisah dengan Malaysia.